

**PERATURAN PERTANDINGAN
MERENTAS DESA 2025
MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH SELANGOR**

1. UNDANG-UNDANG KEJOHANAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola MSSS, Undang-undang KOM dan Peraturan Am MSSM.

2. KUMPULAN-KUMPULAN UMUR

- 1.1 Sekolah Menengah - Lelaki dan Perempuan
Kelas 1 : 18 tahun dan ke bawah (umur pada 1 Januari tahun pertandingan)
Kelas 2 : 15 tahun dan ke bawah (umur pada 1 Januari tahun pertandingan)
- 1.2 Sekolah Rendah - Lelaki dan Perempuan
Kelas 3 : 12 tahun dan ke bawah (umur pada 1 Januari tahun pertandingan)
- 1.3 Umur dikira pada 1hb. Januari tahun dipertandingkan.

3. JENIS PERTANDINGAN

- 3.1 Individu
- 3.2 Berpasukan

4. KATEGORI PERTANDINGAN DAN JARAK

KATEGORI	KUMPULAN UMUR	JARAK	
A	Lelaki bawah umur 18 tahun	8 km	2007 , 2008.2009
B	Perempuan bawah umur 18 tahun	6 km	2007 , 2008, 2009
C	Lelaki bawah umur 15 tahun	6 km	2010,2011,2012
D	Perempuan bawah umur 15 tahun	6 km	2010,2011,2012
E	Lelaki bawah umur 12 tahun	4 km	2013 DAN KEBAWAH
F	Perempuan bawah umur 12 tahun	4 km	2013 DAN KEBAWAH

5. PENDAFTARAN PESERTA

5.1 Peserta yang bertanding –

* Pendaftaran peserta hendaklah merujuk kepada Peraturan AM MSSM (Perkara 5

5.1a) Semua peserta **Warganegara** Malaysia di sekolah - sekolah Negeri Selangor boleh mengambil bahagian diperingkat MSSS.

5.1b) Peserta **Bukan Warganegara Malaysia** **disekolah kerajaan** boleh mengambil bahagian **diperingkat MSSS (Negeri) sahaja .**

5.1c) Peserta **Bukan Warganegara Malaysia** **disekolah swasta,** boleh mengambil bahagian diperingkat **MSSS (Negeri) sahaja** (sekiranya sekolah tersebut adalah ahli gabungan MSSS.)

5.2 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada borang **DALAM TALIAN** (<https://jsports.com.my/merentasdesa/mssselangor/daftar/>) yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

5.3 Setiap daerah dibenarkan mendaftar **SATU (1) PASUKAN** bagi setiap kategori pertandingan.

5.4 Setiap pasukan **sekolah rendah** akan mengandungi **lapan (8)** peserta bagi tiap-tiap pasukan atau **enam (6) peserta minima.**

5.5 **Setiap pasukan** sekolah menengah akan mengandungi **lapan (8)** peserta bagi tiap-tiap pasukan atau **enam (6) peserta minima**

5.6 Setiap peserta dianggap memasuki acara peseorangan secara automatik.

5.7 Borang penyertaan yang telah lengkap berserta dengan **salinan fotosat kad pengenalan / surat beranak yang disahkan** hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengelola pada tarikh yang ditetapkan.

5.8 Peserta-peserta **Kategori 18 Tahun ke Bawah dan 15 Tahun ke Bawah WAJIB** membawa Kad pengenalan asal atau setaraf dengannya sebagai Pengesahan Rasmi. Surat Akuan, Surat Sumpah dan sebagainya **TIDAK AKAN DITERIMA** (Rujuk Peraturan Am 4 MSSM)

6. PENETAPAN PUNGUTAN MATA BAGI PASUKAN

6.1 Daripada 8 peserta (sekolah rendah), 8 peserta (sekolah menengah) yang berlari, prestasi / pencapaian terbaik 6 peserta (sekolah rendah), 6 peserta (sekolah menengah) yang menamatkan larian akan diambil kira untuk menentukan kedudukan pasukan.

6.2 Pasukan yang mendapat agregat terendah akan diisytihar sebagai pemenang.

6.3 Jika berlaku seri peraturan 167(8-C) KOM akan diguna pakai apabila penamat yang keenam (sekolah rendah) dan penamat keenam (sekolah menengah) yang terbaik akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

- 7. PENENTUAN JUARA KESELURUHAN**
 - 7.1 Juara keseluruhan merentas desa adalah berdasarkan kepada jumlah agreget yang terendah dikumpulkan daripada enam kategori.
 - 7.2 Jika berlaku seri dalam kategori, kedudukan pelari ke 6 dan seterusnya akan diambil kira sekiranya perlu.
 - 7.3 Jika berlaku seri, pasukan yang mendapat bilangan Johan berpasukan yang terbanyak akan dikira sebagai pemenang keseluruhan.
 - 7.4 Jika berlaku seri juga, tempat kedua dan berikutnya akan diambil kira sebagai pemenang.
- 8. PEMBATALAN**
 - 8.1 Peserta tidak harus mendapat sebarang bantuan @ assistance sepanjang perlumbaan. Jika peserta didapati mengganggu atau memintas peserta lain dengan melengahkan kederasan lawan maka peserta tersebut dibatalkan.

9. NOMBOR PESERTA

- 9.1 Nombor peserta dan pin **disediakan sendiri oleh Pengurus Pasukan**
- 9.2 Setiap peserta hendaklah memakai sepasang kertas bernombor peserta yang telah ditentukan oleh JK Pertandingan. Nombor ini hendaklah **dimasukkan ke dalam plastik lutsinar dan dipakai di depan dan di belakang serta disematkan dengan pin pada keempat-empat sudut plastik.**
- 9.3 Nombor peserta yang disediakan oleh **PENGURUS PASUKAN** perlulah dicatatkan **nama daerah** dan **nombor peserta** serta **nama peserta** berkenaan.
- 9.4 CONTOH nombor peserta bagi setiap DAERAH adalah seperti lampiran.
- 9.5 Warna kertas bagi nombor peserta setiap DAERAH yang perlu disediakan oleh **PENGURUS PASUKAN** adalah seperti berikut:-

KATEGORI	KOD	(L1)	(P1)	(L2)	(P2)	(L3)	(P3)
WARNA KAIN		Putih	Putih	Putih	Putih	Putih	Putih
WARNA NO.		Hitam	Merah	Biru	Hijau	Oren (Gelap)	Ungu
GOMBAK	A	A 001- 008	A 009 - 016	A 017 - 024	A 025 - 032	A 033- 040	A 041 - 048
KLANG	C	C 049 - 056	C 057 -064	C 065- 072	C 073-080	C 081 - 088	C 089 - 096
K.LANGAT	D	D 097 - 104	D 105 -112	D 113 -120	D 121 - 128	D 129- 136	D 137 - 144
K.SELANGOR	E	E 145 - 152	E 153 -160	E 161 - 168	E 169 - 176	E 177 - 184	E 185 - 192
PETALING PERDANA	F	F 193 - 200	F 201 -208	F 209 - 216	F 217 - 224	F 225 - 232	F 233 - 240
PETALING UTAMA	G	G 241 - 248	G 249 -256	G 257- 264	G 265 - 272	G 273 - 280	G 281 - 288
S.BERNAM	H	H 289 - 296	H 297 -304	H 305- 312	H 313 - 320	H 321 - 328	H 329 - 336
SEPANG	J	J 337 - 344	J 345 -352	J 353 - 360	J 361 - 368	J 369 - 376	J 377 - 384
H.LANGAT	K	K 385 - 392	K 393 - 400	K 401 - 408	K 409 - 416	K 417 - 424	K 425 - 432
H.SELANGOR	M	M 433 - 440	M 441-448	M449 - 456	M 457 - 464	M 465 - 472	M 473 - 480

10. PENGENALAN TREK ATAU LALUAN

Pengenalan trek adalah disyorkan sehari atau 24 jam sebelum perlumbaan atau kejohanan sebenar diadakan.

11. KESELAMATAN DAN TEKNIKAL

- 11.1 Semua peserta merentas desa mestilah sihat dari aspek kecergasan fizikal dan disahkan sihat oleh pegawai kesihatan untuk menyertai pertandingan.
- 11.2 Semua peserta digalakkan memakai kasut yang sesuai.
- 11.3 Ukuran kayu pancang untuk corong penamat mestilah sekurang-kurangnya 1.5 meter dan hendaklah dibalut dengan sponge untuk mengelakkan kecederaan.
- 11.4 Stesen minuman mestilah disediakan dan ditempatkan tidak jauh dari Garisan penamat / hakim penamat.
- 11.5 Bagi kategori L1, pusingan U **rakaman video** akan dibuat sebagai bukti larian.

12. LAKARAN PETA LALUAN MERENTAS DESA.

Lakaran grafik yang lengkap dengan panduan yang penting termasuk pandu arah dan check point perlu disediakan.

13. PAKAIAN

- 13.1 Peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan pada majlis penyampaian hadiah.
- 13.2 Pakaian hendaklah tidak jarang walaupun basah dan tidak menjolok mata.

14. HADIAH

- 14.1 Bagi acara individu :

Hadiah dan Sijil Individu : Tempat Pertama hingga Tempat Kedua puluh. (20 x 6 kategori : 120 sijil pencapaian)

Kat	Jantina	Kumpulan Umur	Hadiyah & Sijil	Bilangan hadiah
L1	Lelaki	18 tahun kebawah	Pertama hingga kedua puluh	20
L2	Lelaki	15 tahun kebawah	Pertama hingga kedua puluh	20
L3	Lelaki	12 tahun kebawah	Pertama hingga kedua puluh	20
P1	Perempuan	18 tahun kebawah	Pertama hingga kedua puluh	20
P2	Perempuan	15 tahun kebawah	Pertama hingga kedua puluh	20
P3	Perempuan	12 tahun kebawah	Pertama hingga kedua puluh	20

- 14.2 Bagi acara Berpasukan

Hadiah dan Sijil (24 x 6 : 144 (pencapaian))

Semua Kategori : Johan , Naib Johan dan Ketiga

Kat	Jantina	Kumpulan Umur	Hadiah & Sijil	Bilangan Hadiah
L1	Lelaki	18 tahun kebawah	Johan , N.Johan , Ketiga	8 hadiah x 3 kat = 24
L2	Lelaki	15 tahun kebawah	Johan , N. Johan , Ketiga	8 hadiah x 3 kat = 24
L3	Lelaki	12 tahun kebawah	Johan , N. Johan , Ketiga	8 hadiah x 3 kat = 24
P1	Perempuan	18 tahun kebawah	Johan , N. Johan , Ketiga	8 hadiah x 3 kat = 24
P2	Perempuan	15 tahun kebawah	Johan , N. Johan , Ketiga	8 hadiah x 3 kat = 24
P3	Perempuan	12 tahun kebawah	Johan , N. Johan , Ketiga	8 hadiah x 3 kat = 24

- 14.3 Piala pusingan hendaklah disimpan dengan dengan baik dan perlu bawa pada mesyuarat kali pertama diadakan.

15. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN DAN TAKLIMAT LALUAN

- 15.1 Mesyuarat ini akan diadakan pada:
 Tarikh : 23 APRIL 2025
 Tempat: SK BANDAR TASIK PUTERI
 Masa : 11.00 PAGI
- 15.2 Dalam mesyuarat ini pengurus pasukan hendaklah mengesahkan senarai peserta pertandingan pasukan masing-masing dan mengemukakan **kad pengenalan asal / salinan surat beranak peserta yang telah disahkan**.
- 15.3 **Pengesahan kesihatan adalah tanggungjawab daerah masing - masing.**

16. BANTAHAN

- 16.1 Segala bantahan hendaklah dibuat dengan mematuhi prosedur peraturan 146 KOM
- 16.2 Bantahan megenai keputusan pertandingan hendaklah dilakukan dalam masa 15minit selepas keputusan rasmi diumumkan
- 16.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mestilah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja)**

17. HAK-HAK JK PENGELOLA

- 17.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Merentas Desa MSSS, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, Pengurus-pengurus Pasukan akan dimaklumkan.
- 17.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan Am MSSS, MSSM atau Peraturan KOM.

18. JURI RAYUAN

Rujuk peraturan Am (12) MSSS

19. LEMBAGA TATATERTIB

Rujuk peraturan (13) MSSS

20. HAL-HAL LAIN

Jawatankuasa pengelola tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan harta benda peribadi peserta dan pegawai atau apa bentuk kecederaan atau kemalangan pada masa pertandingan. Walau bagaimanapun, JK pengelola akan membuat segala persediaan dan mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mengelakkan kejadian seumpamanya berlaku.

20.1 MAKLUMAN PERATURAN TAMBAHAN YANG DI PERSETUJUI OLEH SEMUA PTPS

1. Apa jua air minuman boleh diberikan kepada peserta sepanjang laluan trek larian oleh sesiapa sahaja selain air minuman yang telah disediakan di stesen pembasahan dan stesen pensegaran.
2. Jika atlet mengalami kecemasan dan kecederaan semasa dalam pertandingan, pegawai bertugas yang ditetapkan boleh memberikan apa jua bantu mula dengan segera kepada peserta tersebut dan peserta tersebut masih lagi boleh meneruskan pertandingan setelah mendapatkan rawatan itu.
3. Bantuan kecederaan kepada peserta lain dalam satu pasukan hanya boleh dilakukan dalam kategori umur dan jantina yang sama sahaja.

20.2 MURID SEKOLAH SWASTA/SEKOLAH AGENSI KERAJAAN LAIN

1. Sekolah swasta/Sekolah Agensi Kerajaan lain yang dibenarkan bermaksud sekolah yang diluluskan pendaftarannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan bergabung serta membayar sumbangan penuh (mengikut enrolmen sekolah) dengan MSSN. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Setiausaha Agung MSSN untuk membekalkan satu senarai sekolah swasta yang bergabung dengan MSSN masing-masing kepada Urus Setia MSSM dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh kejohanan dan senarai tersebut perlu dikemas kini dari semasa ke semasa.
2. Murid sekolah swasta perlu menunjukkan bukti ia sedang belajar sepenuh masa di sekolah berkenaan supaya layak bertanding dalam kejohanan MSSM.
3. Murid yang hendak menyertai kejohanan MSSM hendaklah didaftarkan di Institusi Pendidikan Swasta selama 3 bulan sebelum tarikh kejohanan dan hadir sekurang-kurangnya 75% hari persekolahan.
4. Murid-murid sekolah swasta lepasan Tingkatan Lima yang menyambung pelajaran secara berterusan seperti Senior Middle Three, Sekolah Agama atau setaranya layak menyertai pertandingan permainan MSSM.
5. Pelajar yang berdaftar dengan sekolah swasta selepas mendapat keputusan peperiksaan SPM Kementerian Pendidikan Malaysia layak menyertai pertandingan permainan MSSM dengan syarat pelajar ini berdaftar untuk Tingkatan 6 di sekolah Kerajaan mengikut tarikh pendaftaran untuk pelajar Semester 1, Tingkatan 6.